



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA
10 SEPTEMBER 2024



KESUMA bantu tingkat penyertaan pelajar dalam STEM

NIBONG TEBAL: Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), agensi dan badan pemikir strategik di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), giat melaksanakan inisiatif *YES! Rock the School* dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Selepas kejayaan di Kedah, Pahang, dan Johor, program itu diperluaskan ke Pulau Pinang melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Inisiatif ini bertujuan memberi pendedahan industri dan menyemarakkan minat pelajar sekolah rendah dan menengah terhadap kerjaya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Ia turut melengkapkan pelajar dengan wawasan serta pengetahuan semasa industri, selaras dengan visi Pulau Pinang untuk memupuk bakat sedia masa depan dalam sektor berteknologi tinggi.

Usaha ini mencerminkan komitmen KESUMA dalam membangunkan tenaga kerja masa depan dengan melibatkan sekolah dalam pembentukan bakat sedia industri.

Memandangkan para pelajar ini bakal memasuki pasaran kerja, penting untuk memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran yang bersesuaian serta menyumbang secara berkesan dalam tenaga kerja.

Majlis perasmian program *YES!*



STEVEN Sim Chee Keong (dua dari kiri) dan Ahmad Fuzi Abdul Razak pada Majlis Perasmian Program YES! Rock the School Edisi Mega Pulau Pinang di Kampus Kejuruteraan USM Nibong Tebal, Pulau Pinang. - UTUSAN/SITI NUR MAS ERAH AMRAN

Rock the School Mega Penang 2024 disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Pada majlis itu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong menekankan tentang komitmen KESUMA dalam menangani isu guna tenaga tidak penuh (*underemployment*) dengan lebih proaktif menerusi kerjasama rentas Kementerian.

"Adalah penting untuk menyelaraskan kemahiran dengan

keperluan industri supaya rakyat Malaysia mendapat manfaat penuh daripada pembangunan kemahiran dan pendidikan tinggi, seterusnya mencapai kerjaya yang memenuhi aspirasi mereka," katanya.

Beliau turut mengumumkan TalentCorp akan melancarkan inisiatif *YES! Counsellors* pada Januari 2025 yang merupakan inisiatif kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan sektor swasta yang akan memberi pendedahan kepada guru kaunseling pengetahuan tentang trend

industri dan teknologi terkini bagi membantu pelajar dengan lebih efektif.

Dalam fasa pertama, projek rintis ini akan melibatkan 168 guru kaunselor dari 127 sekolah menengah di Pulau Pinang dan akan memberi manfaat kepada lebih 100,000 pelajar.

Peserta terlibat akan dilatih serta melayakkan mereka sebagai jurulatih utama untuk memastikan kelestarian program itu yang bakal diperluaskan ke seluruh negara dengan sokongan Kementerian

Pendidikan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TalentCorp, Thomas Mathew menyatakan, agensi itu akan memanfaatkan sumber dan instrumen seperti Senarai Pekerjaan Kritikal, National Skills Registry, MyNext, MyMAHIR Future Skills Talent Council mengikut sektor industri, serta Rangka Kerja Kemahiran Masa Depan MyMAHIR yang akan datang untuk memaksimumkan potensi bakat tempatan dan membina tenaga kerja masa depan yang produktif.

"Program *YES! Rock the School* mengambil pendekatan holistik dengan menyasarkan kedua-dua pelajar sekolah serta guru kaunseling. Ini adalah untuk memastikan kami memupuk bakat secara keseluruhan sepanjang perjalanan pendidikan dan profesional mereka," tambahnya.

Program *YES! Rock the School* Edisi Mega Pulau Pinang 2024 merupakan program dua hari yang melibatkan lebih 550 pelajar dan 150 guru serta kaunselor dari 34 sekolah di Pulau Pinang.

Ia dianjurkan oleh TalentCorp bersama rakan industrinya, untuk meningkatkan kesedaran kerjaya dan membantu pelajar membuat keputusan berinformasi tentang kerjaya STEM. Inisiatif ini turut menyokong Pelan Tindakan Bakat STEM Pulau Pinang, sejajar dengan NIMP 2030 serta melengkapi Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS).

MMA gesa benarkan SPRM siasat kes tuntutan palsu PERKESO

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menegaskan integriti sistem penjagaan kesihatan sangat penting dan sebarang penyalahgunaan kepercayaan oleh pengamal perubatan adalah isu serius.

MMA dalam kenyataannya, semalam berkata, pihaknya gusar dengan laporan terbaru mengenai dakwaan tuntutan palsu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membabitkan profesional perubatan di Pulau Pinang.

"Sehubungan itu, MMA menggesa semua pihak untuk membenarkan pihak berkuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menjalankan siasatan terhadap perkara ini.

"Adalah penting bahawa proses undang-undang diikuti bagi memastikan siasatan yang adil dan menyeluruh terhadap dakwaan ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bagaimanapun katanya, semua pihak yang disoal siasat perlu dilayan dengan adil dan diberikan peluang untuk didengar dengan saksama.

Katanya, MMA juga menggesa supaya siasatan dijalankan dengan segera untuk mencegah atau mengurangkan gangguan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

"MMA berdiri teguh menentang sebarang bentuk rasuah atau kelakuan tidak beretika dalam profesion perubatan.

"Kami akan memberikan sokongan penuh kepada pihak berkuasa dalam usaha mereka untuk menegakkan undang-undang dan melindungi kepercayaan awam terhadap sistem penjagaan kesihatan," katanya.

Pada Julai lalu, Ahli Dewan Negara, Dr R A Lingeshwaran menggesa Kementerian Sumber Manusia menjelaskan dakwaan beberapa doktor yang mengendalikan tuntutan hilang upaya PERKESO digantung, dikaitkan dengan kartel memalsukan permohonan sedemikian.

Lingeshwaran memaklumkan Dewan Negara, mereka digantung sehingga diberitahu kelak selepas PERKESO mendapat tahu mengenai kegiatan itu di sebuah hospital di Pulau Pinang.

Beliau yang juga bekas Pengarah Hospital Sungai Bakap di Pulau Pinang berkata, beliau difahamkan kartel sedang melobi supaya doktor yang digantung itu kembali bertugas di hospital sama.

Beliau mendakwa terdapat 683 pengeluaran palsu dari 2018 hingga 2022 membabitkan kira-kira RM43 juta, yang mana 16 membabitkan seorang doktor tertentu yang perkhidmatannya ditamatkan selepas kegiatan terbongkar.



SIM (tengah) ketika bertemu Mohd Zaidil dan Lim Zi Yang.

'Pensyarah dari syurga' terima penghargaan

George Town: Mohd Zaidil Adha Mat Hussin, pensyarah Politeknik Balik Pulau yang menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia kerana membantu seorang penuntut baharu berbangsa Cina sehingga tular menerusi media sosial Julai lalu, menerima penghargaan daripada Kementerian Sumber Manusia (Kesuma).

Penghargaan itu berupa wang ganjaran RM1,000 dan sijil yang disampaikan sendiri oleh Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong dalam satu pertemuan khas bersama Mohd Zaidil Adha dan pelajar berkenaan Lim Zi Yang di sebuah restoran di sini.

Menerusi catatan yang didedikasikan khas buat pensyarah terbabit, Sim yang turut memuat naik gambar pertemuan itu di laman Facebook rasminya memberitahu pihaknya memutuskan untuk memberikan penghargaan itu selepas tersentuh dengan usaha murni ditunjukkan Mohd Zaidil Adha yang berkhidmat menjangkau tugas hakiki dengan membantu pelajar dalam kesuahan.

Sim berkata pihaknya juga menyumbangkan RM3,000 kepada Lim, malah lebih manis pelajar berkenaan turut dijadikan anak angkatnya dan akan diberikan elaun RM200 setiap bulan sehingga tamat belajar di politeknik.

Dalam catatan berkenaan, Ahli Parlimen Bukit Mertajam itu yang mengambarkan Mohd Zaidil Adha umpama 'pensyarah dari syurga' bersyukur kerana masih ada orang yang baik seperti beliau.

"Kisah Zaidil dan Lim menzahirkan nilai-nilai Malaysia Madani. Tanpa mengenal bangsa dan agama, kita sama-sama membantu menjadikan Malaysia sebuah negara yang harmoni untuk semua, selama-lamanya," menurut catatan itu.

Mengimbau kembali kisah dua insan terbabit, Sim berkata Lim yang berasal dari Johor datang seorang diri ke Pulau Pinang menaiki bas kerana bapanya hanya mampu membeli satu tiket disebabkan kekangan kewangan kerana bukan berasal daripada keluarga berada.

Ia juga merupakan kali pertama Lim keluar dari kampung halamannya di Batu Pahat dan Mohd Zaidil Adha yang banyak membantu memberikan panduan untuk sampai ke politeknik, tetapi malangnya mungkin kerana terlalu gementar Lim tersalah mengambil beg dan hanya sedar ketika tiba di asrama.

Mohd Zaidil Adha bersama Lim kemudian berpatah balik ke Terminal Bas Penang Sentral di Butterworth memandangkan beg terbabit hanya boleh diambil di situ.

"Ketika dalam perjalanan pulang, Zaidil terdengar bunyi perut adik Lim rancak berkeroncong. Maka, terjadilah satu perkara indah yang saya cukup bangga menggelar diri saya sebagai anak Malaysia. Encik Zaidil mengajak adik Lim makan sampai kenyang dan belikan sedikit barang keperluan di Lotus's sebelum mereka pulang ke Balik Pulau," menurut catatan itu.

Kisah mereka turut tular dalam media sosial dan mendapat pujian rata-rata rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

"Ketika dalam perjalanan pulang, Zaidil terdengar bunyi perut adik Lim rancak berkeroncong. Maka, terjadilah satu perkara indah yang saya cukup bangga menggelar diri saya sebagai anak Malaysia. Encik Zaidil mengajak adik Lim makan sampai kenyang dan belikan sedikit barang keperluan di Lotus's sebelum mereka pulang ke Balik Pulau"

*Menteri Sumber Manusia,
Steven Sim Chee Keong*

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) hanya menyelia penyelenggaraan kemudahan lif dan eskalator di KL Sentral sahaja bagi sektor Lembah Klang.

Manakala kemudahan sama di stesen KTMB lain di sektor berkenaan adalah di bawah seliaan Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Dalam kenyataan, KTMB memaklumkan jumlah keseluruhan lif dan eskalator di bawah seliaan KTMB adalah sebanyak 70 unit, manakala 138 unit merangkumi sektor Utara, Lembah Klang dan Selatan diseliasa oleh RAC iaitu agensi di bawah Kementerian Pengangkutan.

Menurutnya, kerosakan lif di KL Sentral yang berlaku pada 15 Februari lalu dan eskalator pada 23 Ogos lalu juga sudah dimaklumkan kepada Pengurusan Aset dan Fasiliti KTMB bagi pemeriksaan lanjut.

Katanya, pihaknya men-

KEMUDAHAN ROSAK DI STESEN KTM KOMUTER

Penyelenggaraan seliaan RAC: KTMB



■ LAPORAN Harian Metro, semalam.

dapati kerosakan dua lif di KL Sentral disebabkan oleh masalah sistem mekanikal dan elektrik sedia ada di mana penyelenggaraan itu dijangka selesai pada 29 September dan 4 Oktober ini.

"Bagaimanapun, ada dua lagi lif di stesen (KL Sentral) itu yang boleh digunakan oleh penumpang. Ada 12 eskalator di KL Sentral dan

satu daripadanya rosak kerana 'step chain' dan kami sedang melakukan pembaikan yang dijangka siap pada 4 Oktober ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Semalam, Harian Metro melaporkan keluhan pengguna yang mendakwa kemudahan lif dan eskalator di beberapa stesen komuter KTM di Lembah Klang sering rosak dan biarpun ker-

ja pembaikan dilakukan, namun mereka berharap masalah sama tidak berulang.

KTMB berkata, penyelenggaraan berkala bagi lif di bawah seliaan KTMB dijalankan sebulan sekali dan dikendalikan oleh kontraktor yang dipilih dan mengikut ketetapan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994).

Katanya, ia juga dipantau oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) selain pihaknya juga sentiasa memaparkan notis makluman kerosakan di stesen termasuk tarikh jangkaan dibaik pulih.

"Selain penyelenggaraan berkala, KTMB turut menjalankan aktiviti 'preventive maintenance' bagi lif dan eskalator berdasarkan jangka hayat infra berkenaan.

"Contohnya jika jangka hayat eskalator adalah dua tahun dan sebelum mencapai dua tahun pihak kami akan menukar atau mengganti komponen yang diperlukan.

"Namun, keupayaan (reliability) barang gantian juga memainkan peranan penting bagi memastikan

ia tak mudah rosak walaupun sudah diganti," katanya.

Menurutnya, gangguan kelewatan perkhidmatan tren terutama perkhidmatan KTM Komuter daripada jadual asal disebabkan oleh pelaksanaan projek menaik taraf kemudahan infrastruktur Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik Lembah Klang (KVDT).

Katanya, ia adalah kerana ada kawasan yang menggunakan satu landasan sahaja dan menyebabkan tren mengalami kelewatan tiba di stesen.

"Terdapat beberapa lokasi di jajaran KVDT yang kerap mengalami banjir, sekali gus menjadi faktor kepada kejadian gegelinciran.

"Justeru, usaha naik taraf ini bertujuan untuk meningkatkan mutu dan keselamatan perkhidmatan kereta api terutama untuk komuter dan tren elektrik (ETS) setelah projek ini siap kelak.

"KTMB juga sedang membangunkan sistem 'live tracking' melalui aplikasi MyRailtime di mana pengguna boleh mendapatkan status tren lewat atau mengikut jadual," katanya.

Kesuma perhebat inisiatif bantu graduan

SEBERANG PERAI – Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan isu kadar guna tenaga tidak sepadan kemahiran dalam kalangan graduan tempatan dapat diatasi dengan lebih efektif.

Menterinya, Steven Sim Chee Keong berkata, isu guna tenaga tidak sepadan (under-employment) itu telah membelenggu negara sejak pandemik Covid-19 lagi.

Menurutnya, pada suku tahun kedua 2024, kadar guna tenaga tidak penuh berada pada tahap 37 peratus berbanding 32.8 peratus pada suku tahun kedua 2019.

“Tidak mustahil ia boleh menjadi barah dalam jangka masa panjang susulan bakat yang sepatutnya berada dalam industri dengan kemahiran Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) atau universiti tidak berada di tempat sewajarnya.

“Kebanyakannya tidak mempunyai maklumat dan kemahiran yang khusus untuk membantu transisi pengajian ke pekerjaan seperti kemahiran insaniah dan sebagainya,” katanya ketika berucap di Majlis Perasmian Program Yes! Rock the School Edisi Mega Pulau Pinang 2024 di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM), di sini semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Mengulas lanjut, Steven yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam berkata, bayangkan, lima peratus daripada tenaga kerja iaitu kira-kira 750,000 pekerja, berada dalam kategori guna tenaga tidak penuh.

Katanya, sekiranya produktiviti mereka berkurang sebanyak 20 peratus kerana kemahiran mereka tidak sesuai dengan pekerjaan, ia bersamaan dengan negara kehilangan produktiviti seramai 150,000 pekerja.



Penang Yang di-Pertua Negeri Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak (centre) officiating at the 2024 YES! Rock the School Mega Penang event at Universiti Sains Malaysia in Nibong Tebal, yesterday. With him is Human Resources Minister Steven Sim (third from left). PIC BY DANIAL SAAD

LACK OF STEM, TVET TALENT

Sim: Underemployment rate at 37pc

NIBONG TEBAL: Malaysia has struggled with the issue of underemployment among the nation's graduates since the pandemic until now.

Human Resources Minister Steven Sim said in the second quarter of this year, the underemployment rate stood at 37 per cent compared with 32.8 per cent in the second quarter of 2019.

He said the issue could become a long-term problem.

"This is because the talent that should be in STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) and TVET (technical and vocational education and training) industries or universities are not in the right places.

"Imagine if 5.0 per cent of the workforce, or 750,000 workers, fall into the underemployment

category. If their productivity decreases by 20 per cent due to their skills not matching the job requirements, it would equate to the country losing productivity equivalent to 150,000 workers.

"This could lead to a gross domestic product growth reduction of 1.0 to 1.5 per cent, or US\$4.2 billion to US\$6.3 billion in economic output annually."

Sim was speaking at the opening ceremony of the 2024 YES! Rock the School Mega Penang event at Universiti Sains Malaysia's engineering campus here, yesterday. The event was officiated by Yang di-Pertua Negeri Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Sim said his ministry, through Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp), had implemented the YES! Rock the School initia-

tive aimed at equipping young people for successful career paths.

The two-day programme was attended by over 550 students and 150 teachers and counsellors from 34 schools statewide.

Sim said to strengthen collaboration with the Education Ministry in empowering local talent, his ministry through TalentCorp would launch the YES! Counsellors initiative starting in January.

The pilot project will involve 162 counselling teachers who will benefit over 100,000 students in Penang by guiding them in their career decisions.

Targeted at primary and secondary schoolchildren, the YES! Rock the School initiative aims to provide industry exposure and ignite interest in STEM careers.